

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED
AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

**YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA
MENTERI menyatakan rasional penambahan RM 2.3 bilion bagi
tanggungjawab pencen Kerajaan kepada Kumpulan Wang Amanah
Persaraan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan asal yang dikemukakan oleh JPA kepada Kementerian Kewangan bagi maksud Vot T14 - Pencen, Elaun Bersara Dan Ganjaran untuk tahun 2015 ialah RM17.1 billion. Permohonan tersebut telah dikemukakan melalui sistem MyResult pada 28 Mac 2014. Manakala peruntukan bagi maksud Vot T14 untuk tahun 2015 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 10 Disember 2014 ialah RM15.7 bilion. Perbezaan antara peruntukan yang dimohon dan peruntukan yang diluluskan bagi maksud Vot T14 untuk tahun 2015 ialah RM1.45 bilion. Pada tahun 2015, jumlah perbelanjaan sebenar bagi maksud Vot T14 yang direkodkan ialah RM17.98 bilion (termasuk perbelanjaan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran, Bahagian Pasca Perkhidmatan Putrajaya, Sabah, Sarawak dan Luar Negeri). Perbandingan antara perbelanjaan sebenar dan peruntukan yang diluluskan mendapati kekurangan peruntukan ialah sebanyak RM2.28 bilion.

Antara faktor menyumbang kepada perbezaan tersebut adalah:

- i. Penyelarasan pencen disebabkan kenaikan gred jawatan terakhir pada tarikh persaraan;

- ii. Penambahan kepada gaji akhir pesara tahun 2015 yang bersara paksa dan dibersarakan sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 - Penambahbaikan Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Dalam Pelaksanaan Jadual Gaji Minimum-Maksimum yang diumumkan pada 13 Mac 2015. Ianya memberi kesan kepada anggaran jumlah pencen dan ganjaran yang dianggarkan pada tahun 2015 berdasarkan gaji maksima skim perkhidmatan pesara yang direkodkan dalam system HRMIS; dan
- iii. Bilangan kes Mati Dalam Perkhidmatan dan *ex gratia* Bencana Kerja bagi tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA LIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 94

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kriteria yang diperlukan untuk memperolehi lesen syarikat penerbangan komersil di Malaysia. Adakah syarikat Rayani Air mematuhi kriteria-kriteria tersebut terutamanya dari segi kemampuan kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, lesen syarikat penerbangan komersil terbahagi kepada dua jenis iaitu Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Service License – ASL*) bagi perkhidmatan penerbangan berjadual dan Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit – ASP*) bagi perkhidmatan penerbangan tidak berjadual.

Sehubungan dengan itu, kriteria-kriteria yang diperlukan untuk memperolehi lesen syarikat penerbangan komersil iaitu ASL dan ASP di Malaysia adalah seperti berikut :

- i. setiap syarikat perlu mempunyai *substantial ownership and effective control* yang dimiliki oleh warganegara Malaysia sama ada orang perseorangan atau syarikat sebanyak lima puluh satu peratus (51%). Syarat ini diperlukan bagi membolehkan syarikat penerbangan tersebut menggunakan hak trafik penerbangan yang diperolehi oleh Malaysia daripada negara-negara lain.
- ii. setiap syarikat yang ingin mengadakan perkhidmatan penerbangan perlu menjalani dan lulus di dalam Audit Teknikal untuk mendapatkan Perakuan Pengendali Udara (*Air Operator's Certificate - AOC*) daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA).
- iii. syarikat perlu didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memiliki sijil yang sah dan aktif.
- iv. syarikat perlu mempunyai sumber modal kewangan yang kukuh iaitu modal dibenarkan (*authorised capital*) dan modal berbayar (*paid-up capital*).

Sehubungan dengan itu, keputusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dalam pengeluaran Sijil Pengendali Udara (*Air Operator's Certificate - AOC*) dan Lesen Penerbangan Udara (*Air Service License – ASL*) kepada syarikat Rayani Air Sdn. Bhd. (Rayani) dibuat setelah syarikat ini memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya dari segi kemampuan kewangan.